

NO SOALAN :56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN
(PAGOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2018

Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan telah mempunyai pelan untuk meningkatkan kadar GST dari 6% ke kadar yang lebih tinggi selepas Pilihan Raya Umum akan mendatang sekiranya Barisan Nasional memenanginya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah kadar *standard* GST 6% ke atas barang dan perkhidmatan yang sedia ada. Ini kerana kadar yang sedia ada ditetapkan setelah dibuat kajian yang terperinci untuk memastikan kadar tersebut adalah yang paling bersesuaian. Antara faktor yang

telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini di mana cukai jualan dikenakan sama ada pada kadar 5% atau 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai berdasarkan penggunaan oleh pengguna akhir dalam rantaian pembekalan;
- iii. tanggungan cukai yang sebenarnya ditanggung oleh pengguna dalam komponen perbelanjaan mereka; dan
- iv. bantuan selainnya yang ada disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna termasuklah apa-apa pemberian langsung serta konsesi dalam aspek percukaian.

Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula kadar *standard* GST 6% yang sedia ada, Kerajaan akan sentiasa memastikan kepentingan rakyat diutamakan. Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan sistem percukaian negara yang meliputi cukai langsung serta cukai tidak langsung adalah cekap supaya dapat meningkatkan daya saing negara dalam jangka panjang untuk terus memajukan lagi tahap pembangunan ekonomi negara secara mampan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN : 57

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apa tindakan lanjut oleh pihak Malaysia Airlines setelah terdapat sungutan para pelanggan mengenai kekurangan tandas berbanding kepadatan kerusi penumpang Kelas Bisnes bagi pesawat Airbus A350-900 XWB. Apakah kos tambahan yang dibebankan ke atas pihak Malaysia Airlines disebabkan perlunya konfigurasi baru bagi baki pesawat Airbus A350-900 yang bakal diserahkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kekurangan tandas berbanding kepadatan kerusi penumpang Kelas Bisnes bagi pesawat Airbus A350-900 XWB, Malaysia Airlines Berhad (MAB) sedang mempertimbangkan cadangan untuk menjenama semula Kelas Pertama kepada Kelas Perniagaan Premium. Cadangan ini tidak melibatkan sebarang konfigurasi baru pesawat yang memerlukan kos tambahan.